

12/02/1998

Hulu Terengganu setuju tidak lawan

HULU TERENGGANU, Rabu - Kalangan pemimpin Umno di bahagian Hulu Terengganu mencapai kata sepakat tidak bertanding merebut jawatan yang disandang di kalangan mereka.

Antara jawatan yang tidak dipertandingkan ialah ketua, timbalan dan naib ketua bahagian.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat khas Umno bahagian di dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu, semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Telemong, Tengku Putera Awang kekal sebagai Ketua Umno bahagian; Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Mustafa Muda (timbang) dan Adun Ajil; Othman Daud (naib). Adun Kuala Berang, Ibrahim Yusof pula kekal Setiausaha Umno bahagian itu.

Sumber Umno bahagian Hulu Terengganu memberitahu, keputusan itu dibuat sebagai mematuhi saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, Umno bahagian tidak boleh menghalang jika ada calon lain yang berhasrat bertanding merebut jawatan tertinggi di bahagian itu.

Setakat ini, bekas Ketua Umno bahagian, Datuk Ahmad Sidi Ismail dikatakan berhasrat mencabar Tengku Putera untuk merampas semula kepimpinan bahagian itu .

Bagaimanapun, keputusan Ahmad Sidi itu banyak bergantung kepada pencalonan cawangan Umno di bahagian itu, terutamanya dalam DUN Telemong.

(END)